KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JPSM			

Penebangan secara haram ancam kejadian hakisan, penduduk bakal jadi mangsa

1,000 batang pokok bakau 'hilang'

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Aktiviti kecurian dan penebangan pokok bakau yang semakin berleluasa di kawasan hutan bakau di Kukup di sini dibimbangi bakal mencetuskan bencana buruk akibat kejadian hakisan sekali gus merisikokan penduduk sekitar.

Senator Dewan Negara, Datuk Jefridin Atan berkata, beliau menerima pelbagai aduan daripada penduduk Jalan Kebun Baru di sini, yang mendakwa berlakunya kegiatan mencuri pokok bakau sejak dua minggu lalu.

Katanya, kegiatan tersebut sekiranya tidak dicegah dengan segera boleh memberikan kesan buruk kepada penduduk di kampung berkenaan memandangkan pokok-pokok bakau tersebut telah menjadi benteng bagi mencegah kejadian hakisan dan sebagainya.

"Apabila berlaku kejadian ribut dan hujan lebat, bumbung-bumbung rumah penduduk boleh diterbangkan angin kerana pokok-pokok bakau yang selama ini menjadi penghadang angin telah ditebang.

"Kita berharap kegiatan tersebut dapat dibendung kerana pokok-pokok bakau di kawasan Kukup sangat penting dan menjadi 'pelindung' kepada penduduk berhampiran," katanya selepas mengadakan pertemuan bersama pegawai dari Pejabat Renjer Daerah Johor Selatan di sini semalam.

Jefridin yang juga Ketua UMNO Bahagian Tanjung Piai berkata, dianggarkan sebanyak 1,000 batang pokok bakau telah ditebang tanpa kebenaran oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Sementara itu, Ketua UMNO Cawangan Sri Hilir, Jalan Kebun Baru, Sahadan Rahmat berkata, pihaknya kesal dengan kegiatan mencuri pokok bakau kerana boleh memberi kesan buruk kepada kira-kira 150 penduduk di kampungnya.

Katanya, kedudukan pokok-pokok bakau hanya terletak 50 meter dari kawasan kampung yang mempunyai 30 buah rumah.

"Bukan sahaja melibatkan rumah penduduk, kebun-kebun pertanian penduduk seperti kelapa sawit, pokok pisang juga akan ditenggelami air masin dan boleh menyebabkan kerosakan pada tananam," jelasnya.



KEGIATAN penebangan pokok bakau secara haram di kawasan Kukup, Pontian bakal memberi kesan buruk kepada penduduk sekitar. – GAMBAR HIASAN



JEFRIDIN

Kosmo 15.11.2021_17